



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA PEMILIHAN TADIKA DAN PERKEMBANGAN SOSIAL KANAK- KANAK DARI PERSPEKTIF IBU BAPA



05-4506832

NIK NURUL HAZWANI BINTI MD NARIZAM

ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

HUBUNGAN ANTARA PEMILIHAN TADIKA DAN PERKEMBANGAN SOSIAL KANAK-KANAK DARI PERSPEKTIF IBU BAPA

NIK NURUL HAZWANI BINTI MD NARIZAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Sesungguhnya segala puji dan syukur hanya bagi Allah S.W.t, selawat dan salam kepada rasul junjungan Nabi Muhammad S.A.W dan seluruh keluarga serta para sahabat baginda.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih penulis ucapkan kepada penyelia projek ini iaitu Dr Azizah Bt Zain di atas bimbingan, tunjuk ajar, saranan yang bernas, sokongan serta kesediaan beliau meluangkan masa di sepanjang tempoh perlaksanaan disertasi ini disiapkan.

Penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua pensyarah Fakulti Pembangunan Manusia dan juga pihak UPSI amnya yang telah memberi peluang kepada saya untuk melanjutkan pengajian di institusi ini.

Penghargaan dan terima kasih juga kepada seluruh ahli keluarga tersayang kerana memberi semangat dan dorongan yang tidak putus-putus terutamanya ibu saya Puan Nik Hasiah Bte Ab Rahman. Tidak lupa juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan dan juga orang perseorangan yang telah memberi pertolongan, sokongan dan perangsang kepada penulis dalam menyiapkan disertasi ini sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Jasa kalian amat penulis hargai.

Juga terima kasih kepada pihak Institusi Pengajian Siswazah UPSI, Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama, Pengetua dan guru-guru tadika serta ibu bapa di Mukim Kota Damansara yang telah banyak membantu penulis menyiapkan dengan sebaiknya. Semoga Allah membalas jasa kalian dengan kebaikan. Akhir kalam, semoga dengan terhasilnya kajian ini dapat memberikan manfaat kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji hubungan antara pemilihan tadika dan perkembangan sosial kanak-kanak dari perspektif ibu bapa di Mukim Kota Damansara. Reka bentuk hubungan dipilih untuk menjawab lima persoalan kajian dan tiga hipotesis. Konseptual kajian adalah berdasarkan kepada Teori Pemilihan yang terdiri daripada aspek kualiti pengajaran, kualiti penjagaan dan perkhidmatan, kualiti persekitaran serta kualiti pengurusan dan pentadbiran dan Teori Bronfenbrenner. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferens. Dua set instrumen telah digunakan untuk mengukur kualiti tadika dan perkembangan sosial kanak-kanak. Seramai 181 orang ibu bapa dipilih secara rawak untuk menjadi responden. Berdasarkan analisis korelasi pearson mendapati bahawa terdapat hubungan yang positif sederhana dan signifikan antara pemilihan tadika dengan perkembangan sosial kanak-kanak ($r=0.51$, $p < 0.05$). Begitu juga bagi pendapatan ibu bapa dengan pemilihan tadika menunjukkan ianya terdapat hubungan yang signifikan secara positif sederhana dengan nilai signifikan 0.01 ($p < 0.05$) dan nilai $r = 0.67$. Namun begitu, taraf pendidikan dengan pemilihan tadika dalam kalangan ibu bapa menunjukkan bahawa ianya tidak terdapat hubungan yang signifikan kerana nilai signifikan adalah 0.059 iaitu melebihi 0.05 ($r=0.59$, $p > 0.05$). Dapatan ini secara keseluruhan menunjukkan keempat-empat aspek kualiti iaitu kualiti pengajaran, kualiti penjagaan dan perkhidmatan, kualiti persekitaran serta kualiti pengurusan dan pentadbiran penting dalam pemilihan tadika dalam kalangan ibu bapa. Implikasi kajian menunjukkan bahawa kualiti tadika memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan sosial dalam diri kanak-kanak serta menjadi keutamaan ibu bapa untuk menilai sebelum menghantar anak mereka ke tadika.





RELATIONSHIP BETWEEN THE CHOICE OF KINDERGARDEN AND SOCIAL DEVELOPMENT OF CHILDREN FROM THE PARENTS PERSPECTIVE

ABSTRACT

The main purpose of this research was to examine the relationship between the selection of kindergartens and the social development of children from the parents perspective in Kota Damansara. The relationship design was chosen to answer five research questions and three hypotheses. Conceptual studies are based on the Selection Theory comprising aspects of teaching quality, quality of care and service, environmental quality and quality of management and administration and the Bronfenbrenner Theory. The data were analyzed using descriptive and inferential statistics. Two sets of instruments have been used to measure the quality of kindergartens and social development of children. A total of 181 parents were randomly selected to be respondents. Based on pearson correlation analysis found that there was a moderate and significant positive relationship between the selection of kindergartens and the social development of children ($r = 0.51$, $p < 0.05$). Similarly, for parent income with kindergarten selection it shows that there is a significant positive relationship with a significant value of 0.01 ($p < 0.05$) and $r = 0.67$. However, the level of education with the selection of kindergartens among parents shows that there is no significant relationship because the significant value is 0.059 which is greater than 0.05 ($r = 0.59$, $p > 0.05$). This finding shows that all aspects of quality are quality of teaching, quality of care and service, quality of environment and quality of management and administration are important in selecting kindergartens among parents. Research implications show that kindergarten quality plays an important role in social development in children as well as being parental priorities to assess before sending their children to kindergarten.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	viii

SENARAI RAJAH



SENARAI SINGKATAN

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang kajian	7
1.3	Pernyataan Masalah	16
1.4	Objektif Kajian	20
1.5	Persoalan Kajian	21
1.6	Hipotesis Kajian	22
1.7	Kerangka Konseptual	22
1.8	Kepentingan Kajian	25
1.9	Skop Kajian	26
1.10	Definisi	27





1.11	Kesimpulan	32
------	------------	----

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	33
2.2	Konsep dan Teori Pemilihan Tadika	
2.2.1	Konsep Pemilihan Tadika	34
2.2.2	Teori Pemilihan Tadika	40
2.2.3	Kerangka Teori	45
2.2.4	Teori Lain Yang Berkaitan Dengan Pemilihan Tadika	46
2.3	Konsep Perkembangan Sosial	
2.3.1	Perkembangan Sosial	48
2.4	Pemilihan Tadika dan Perkembangan Sosial Kanak-kanak	55
2.5	Tinjauan Kajian-Kajian Lepas	57
2.6	Kesimpulan	59



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	64
3.4	Tempat Kajian	67
3.5	Instrumen Kajian	68
3.6	Prosedur Kajian	76
3.7	Kajian Rintis	
3.7.1	Tujuan Kajian Rintis	79
3.7.2	Pentadbiran Kajian Rintis	80
3.8	Penganalisisan Data	81





3.9	Kesahan Instrumen	82
3.10	Kebolehpercayaan Instrumen	
3.10.1	Analisis Cronbach's Alpha	83
3.10.2	Min	84
3.10.3	Korelasi Pearson	85
3.11	Kesimpulan	86

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	87
4.1	Maklumat Profil Responden	88
4.2	Huraian Berdasarkan Persoalan Kajian	
4.2.1	Tahap Pemilihan Kualiti Penjagaan Dan Sokongan Tadika Dalam Kalangan Ibu Bapa	93

4.3	Analisis Inferensi	
4.3.1	Ujian Normaliti	
4.3.1.1	Ujian Normaliti	97
4.3.2	Huraian Berdasarkan Hipotesis Kajian	98
4.4	Rumusan Analisis Dapatkan Kajian	101
4.5	Kesimpulan	101

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	103
5.2	Pemilihan Tadika Berkualiti Dalam Kalangan Ibu Bapa	105
5.3	Perkembangan Sosial Kanak-Kanak	106
5.4	Hubungan Antara Pemilihan Tadika Berkualiti Dengan Perkembangan Sosial Kanak-Kanak	108
5.5	Hubungan Antara Taraf Pendidikan Ibu Bapa Dengan Pemilihan Tadika Berkualiti	110
5.6	Hubungan Antara Taraf Pendapatan Ibu Bapa Dengan Pemilihan Tadika Berkualiti	111





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

5.7	Rumusan Kajian	114
5.8	Cadangan Kajian	115
5.9	Cadangan Kajian Akan Datang	117
5.10	Kesimpulan	119
RUJUKAN		120
LAMPIRAN		



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Jadual penentuan saiz sampel	66
3.2 Senarai tadika yang dipilih di Daerah Mukim Kota Damansara	67
3.3 Jantina	69
3.4 Umur	69
3.5 Bangsa	69
3.6 Status Pendidikan	69
3.7 pendapatan keluarga	70
3.8 pekerjaan ibu bapa	70
3.9 Jarak dari Tadika Ke Rumah	70
3.10 Jarak dari Tadika Ke Tempat Kerja	70
3.11 Pengetahuan Tentang Kurikulum Yang Digunakan Di Tadika	71
3.12 Contoh item PEQS 2012 dan SNPQ 2011 yang telah diadaptasi dalam konteks ibu bapa di Malaysia	72
3.13 Bilangan item dan taburan item mengikut bidang PEQS 2012	73
3.14 Penskoran bagi mengukur faktor pemilihan tadika dalam kalangan ibu bapa	73
3.15 Contoh item pencapaian yang diambil dan diguna pakai dalam konteks perkembangan sosial kanak-kanak	75
3.16 Item positif bagi soal selidik perkembangan sosial kanak-kanak	75
3.17 Penskoran tiga mata bagi mengukur tahap perkembangan sosial kanak-kanak	76
3.18 Prosedur Kajian	78
3.19 Ringkasan Pengujian Statistik Persoalan Kajian	81





3.20	Nilai Cronbach's Alpha	84
3.21	Penskoran nilai Min Richard I. Levin dan David S. Rubin, 2000	85
3.22	Nilai Pekali Kolerasi Pearson	85
4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	88
4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	88
4.3	Taburan Responden Mengikut Status Pendidikan	89
4.4	Taburan Responden Mengikut Status Pendapatan	90
4.5	Taburan Responden Mengikut Bangsa	90
4.6	Taburan Responden Mengikut Jarak Dari Rumah Ke Tadika	91
4.7	Taburan Responden Mengikut Jarak Dari Tadika Ke Rumah	91
4.8	Taburan Responden Tentang Kurikulum Yang Digunakan	92
4.9	Tahap Pemilihan Tadika Berkualiti Dalam Kalangan Ibu Bapa	93
4.10	Tahap Perkembangan Sosial Kanak-kanak	96
4.11	Ujian normaliti bagi keseluruhan konstruk	98
4.12	Tahap Hubungan Antara Pemilihan Tadika Berkualiti Dengan Perkembangan Sosial Kanak-Kanak	99
4.13	Taraf Pendidikan Ibu Bapa Dengan Pemilihan Tadika Berkualiti	99
4.14	Tahap Hubungan Antara Taraf Pendapatan Ibu Bapa Dengan Pemilihan Tadika Berkualiti	100
4.15	Analisis Dapatan kajian	101





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual	24
2.1 Kerangka Teori	46
2.2 Sistem Pemasaran	47
2.3 Perkembangan Sosial Kanak-kanak	54



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiv

SENARAI SINGKATAN

SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UNESCO	<i>United Nations Educational, Scientific, and Cultural Organization</i>
SOP	<i>Standards Of Procedure</i>
CRC	<i>Convention of Rights of Children</i>
PAE	<i>Parent Academy Evaluation</i>
PEQS 2012	<i>Parents Evaluation Questionnaire Spring 2012</i>
SNPQ 2011	<i>Sound Nursery Parent Questionnaire 2011</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Kualiti dan ketamadunan sesebuah bangsa di dunia boleh dipengaruhi oleh satu agenda besar yang dikenali sebagai pendidikan di mana manusia akan dianggap kuno sekiranya tiada pendidikan. Seseorang manusia itu dapat membuat keputusan yang sangat tepat sekiranya mereka mempunyai ilmu dan menjadikan ilmu itu sebagai cara hidup seharian (Wan Hassan, 2007). Selain itu ukhuwah dalam masyarakat serta keluarga juga akan menjadi lebih erat. Pendidikan dalam sesebuah masyarakat memerlukan sistem nilai yang mampu dikembangkan dan disuburkan agar warganya memiliki nilai etika yang tinggi dalam kehidupan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Dalam kehidupan harian setiap manusia, pendidikan merupakan proses menimba ilmu yang sangat penting di mana proses pendidikan ini berlaku di sepanjang hayat manusia. Fasa-fasa pendidikan akan berlangsung dalam kehidupan manusia sama ada ianya secara pendidikan formal ataupun pendidikan yang tidak formal. Di dalam proses pendidikan ini manusia akan memperkembangkan keseluruhan potensi yang ada merangkumi potensi akal (kognitif), jasmani dan tingkah laku (psikomotor dan sikap), rohani dan rohani (spiritual). Kesemua potensi ini mula berkembang semenjak dilahirkan dan ianya dapat memperkembangkan kemahiran, kapasiti daya intelektual dan kepekaan kepada persekitaran sosial. Hal ini bersesuaian dengan pendidikan yang merujuk kepada:

Process, beginning at birth, of developing intellectual capacity, skills, and social awareness, especially by instruction.
(Dicapai pada 30 September 2010)



Pendidikan tadika atau prasekolah secara umumnya boleh didefinisikan sebagai kesediaan utama sebelum memasuki alam persekolahan di peringkat sekolah rendah khususnya. Menurut Kamus Dewan (edisi ke tiga 2000) ‘pra’ bermaksud awalan yang bermakna sebelum. ‘Sekolah’ membawa maksud tempat di mana untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran. Manakala ‘prasekolah’ pula bermaksud sebelum memasuki alam persekolah.

Informal education (IFE) - the truly lifelong process whereby every individual acquires attitudes, values, skills and knowledge from daily experience and the educative influences and resources in his or her environment - from family and neighbours, from work and play, from the market place, the library and the mass media. (Dicapai pada 30 September 2010)





Menurut (Day, 1988), menyatakan kebanyakan program pendidikan prasekolah adalah program setengah hari yang menekankan perkembangan sosio emosi kanak-kanak dan menyediakan aktiviti pengkayaan. Matlamat pendidikan ini tidak menyediakan penjanaan secara menyeluruh dan perkhidmatan yang komprehensif kepada kanak-kanak tetapi sebaliknya menyediakan peluang kepada mereka bagi perkembangan akademik, intelek, sosial, emosi dan fizikal melalui program-program aktiviti yang benar-benar menyeluruh. Pendidikan prasekolah mahupun tadika misalnya merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan di Malaysia.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah meletakkan garis matlamat pendidikan prasekolah untuk melahirkan peningkatan dalam diri kanak-kanak dalam pelbagai jenis aspek pertumbuhan diri yang seimbang agar mereka dapat menjadi individu yang dapat memberikan manfaat dan berikan faedah kepada diri, keluarga dan juga masyarakat mengikut seperti yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan berjiwa bangsa Malaysia. Berikutan dengan ini, pendidikan prasekolah diwajibkan untuk meletakkan asas kukuh dalam diri kanak-kanak untuk memasuki dunia persekolahan dan pendidikan sepanjang hayat. Aspek yang paling utama ialah dapat meletakkan asas nilai keagamaan, memupuk motivasi belajar dan moral yang kuat berkaitan dengan asas-asas dalam kemahiran, mengembang potensi, sosial dan kreativiti kanak-kanak dan juga menyemai jiwa bangsa Malaysia yang cintakan Negara. (Rohaty Mohd.Majzub & Abu Bakar Nordin, 1989).





Di negara Malaysia, tanpa mengira jenis latar belakang sosial mahupun agama, lokasi tempat tinggal, keadaan kesihatan mental dan fizikal serta perkembangan intelek semua kanak-kanak diberikan peluang pendidikan yang sama. Matlamat asas penubuhan tadika atau prasekolah yang asalnya adalah memberikan pengalaman belajar kepada kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun. Pendidikan awal ini bertujuan untuk menyuburkan potensi kanak-kanak dalam kesemua aspek perkembangan, penguasaan kemahiran asas dan pemupukan sikap yang positif demi persediaan untuk memasuki alam persekolahan pada peringkat yang paling rendah. Menurut Rohana (2010), kini pendidikan memfokuskan dan meletakkan matlamat kepada asasnya kepercayaan, nilai, ilmu yang diterima oleh kanak-kanak. Menerusi konsep bersepadu yang dijalankan di dalam sistem pendidikan, ia bakal melahirkan modal insan yang berpengetahuan mantap, akhlak yang baik, berkemahiran tinggi dan juga serta dapat menongkah arus kehidupan bermasyarakat.

Pendidikan prasekolah berperanan dan berfungsi mengikut cara yang tersendiri sebagai akar dalam sistem pendidikan dalam perkembangan pendidikan di negara ini kerana pendidikan prasekolah juga sebahagian daripada sistem persekolahan di Malaysia. Antara fungsi pendidikan prasekolah (Kurikulum Prasekolah Kebangsaan, 2001):

- Pendidikan prasekolah akan meningkatkan lagi pengalaman kanak-kanak dari kelas sosio ekonomi yang sangat baik.
- Dapat menolak dan mengenali kelemahan-kelemahan kanak-kanak sebelum memasuki darjah satu.
- Dapat memperbaiki lagi persediaan pembelajaran yang sedia lengkap.





- Memenuhi persediaan pembelajaran yang kurang lengkap.
 - Emosi yang seimbang bagi memupuk sikap positif terhadap kepercayaan terhadap orang lain, diri sendiri terutaman bagi membentuk kemahiran kanak-kanak dalam asas 4 M.
 - Perkembangan estetika bagi menyemai tahap kesedaran kanak-kanak dengan menikmati muzik, lagu dan lain-lain tentang keindahan alam sekitar
 - Mampu memperkembangkan pendidikan kerohanian dan moral.
 - Memberi pendidikan asas agama Islam kepada kanak-kanak Islam.
 - Melengkapkan kurikulum yang mampu memperkembangkan fizikal dan jasmani kanak-kanak. Contohnya pusat pendidikan prasekolah yang dilengkapi dengan alat permainan untuk kanak-kanak bersenam dan juga untuk menggerakkan badan.
- Berperanan bagi memupuk potensi kanak-kanak dalam pelbagai aspek perkembangan diri yang seimbang agar dapat menjadi individu yang berguna kepada dirinya dan juga masyarakat berlandaskan rukun negara.

Pendidikan juga mendidik manusia untuk berfikir secara bebas, matang serta dapat menyelesaikan segala masalah dengan baik dan efisyen (Abdul Fatah Hassan, 2003). Menjelang tahun 2020, fungsi pendidikan prasekolah berkebarangkalian akan meningkat. Tadika turut akan aktif dalam menjalankan perkhidmatan bagi meningkatkan keperluan seperti berikut:

- Perkembangan kanak-kanak yang menyeluruh
- Kesediaan dari segi akademik
- Penjagaan kanak-kanak
- Perkembangan personaliti kanak-kanak





- Pendidikan keibubapaan
- Perkembangan dari aspek kerohanian
- Perkembangan daya kreatif

Fungsi dalam pendidikan awal kanak-kanak menjelang ke arah pertengahan tahun 2020 bakal bertambah rumit berbanding keadaan sekarang. Pihak akademik sepatutnya bertanggungjawab dalam mengatur struktur pendidikan mengambil tindakan yang sebetulnya di dalam menyelaraskan fungsi dan peranan yang sebenarnya terhadap bidang pendidikan. Institusi-institusi awal kanak-kanak ini dikendalikan oleh beberapa badan yang tertentu seperti KEMAS, Persatuan Tadika Malaysia, Darul-Arqam, Felda, Pertwi, Polis Diraja Malaysia dan tadika-tadika persendirian. Semua institusi prasekolah ini mempunyai tujuan dan rancangan-

rancangannya tersendiri. Pendidikan yang diberikan ialah menyediakan kanak-kanak bagi meneruskan perkembangan yang lebih sihat. Dengan ini dapatlah kanak-kanak menyesuaikan diri mereka bagi mengambil peranan yang lebih berkesan semasa di alam persekolah sebenar kelak.

Menurut Radziah M Daud (2014), bagi kanak-kanak yang mendapat pendidikan awal akan menunjukkan perkembangan kemahiran berkomunikasi yang lebih baik, kognisi (proses mental untuk mentafsir, mempelajari dan memahami sesuatu) lebih baik serta mampu berinteraksi secara positif dengan orang lain dan mempunyai lebih kekuatan emosi berbanding dengan kanak-kanak lain yang tidak mendapat pendidikan awal kanak-kanak. Kemahiran ini dapat membantu kanak-kanak menyesuaikan diri apabila memasuki alam persekolahan dan seterusnya akan berjaya dalam kehidupan.





Kajian di atas jelas menyatakan bahawa pentingnya pendidikan awal sebagai asas kesinambungan pendidikan di sekolah rendah. Ketika ini kegiatan yang dijalankan di pusat-pusat tadika disambut baik. Sokongan menggalakkan ini timbul daripada kesedaran bahawa pendidikan yang diberikan oleh keluarga di rumah mungkin tidak mencukupi. Permintaan yang tinggi dalam kalangan ibu bapa yang semestinya menginginkan anak mereka menjadi pelajar cemerlang dan terbaik telah menyebabkan pelbagai jenis tadika tumbuh seperti cendawan selepas hujan. Di samping itu, ia membentuk persaingan yang lebih sihat dalam kalangan tadika ini, secara tidak langsung ia juga dapat memberikan keuntungan kepada ibu bapa kerana mempunyai lebih banyak pilihan dan dapat membuat pilihan tadika yang terbaik untuk anak-anak mereka.



1.2 Latar Belakang Kajian

Di dalam kajian Azwandi menyatakan pendidikan awal ini memfokuskan kepada pendidikan yang berlaku di luar rumah dari asuhan ke atas sekumpulan kanak-kanak atau perkhidmatan menyediakan pendidikan awal dan asuhan ibu bapa ke atas kanak-kanak (Hearron & Hildebrand, 2003). Ia merupakan program yang meliputi separuh masa, sepenuh masa, keuntungan mahupun tidak melibatkan keuntungan. Pendidikan awal kanak-kanak ini merupakan program yang disusun atur oleh pihak kerajaan, agensi swasta, badan keagamaan dan persendirian seperti tadika di sekolah rendah, tadika Perpaduan, tadika KAFA, tadika Kemas, tadika Amal (Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia), tadika Montessori, tadika Methodist, tadika Little Caliph dan Children Playhouse.





Sememang selalu menjadi persoalan, bagaimanakah hasil pendidikan yang bersesuaian untuk diberikan kepada kanak-kanak memandangkan terdapat banyak lambakan pusat institusi pendidikan terutamanya prasekolah di Malaysia. Allah telah berfirman di dalam al-Quran yang bermaksud:

Dan tidaklah patut bagi laki-laki yang mukmin dan tidak (pula) bagi perempuan yang mukmin, apabila Allah dan rasul-Nya Telah menetapkan suatu ketetapan, akan ada bagi mereka pilihan (yang lain) tentang urusan mereka. dan barangsiapa mendurhakai Allah dan rasulNya. Maka sungguhlah dia telah sesat, sesat yang nyata.
(Surah Al-Ahzab 33: 36)

Bak kata Pepatah Melayu melentur buluh biarlah dari rebungnya. Justeru pendidikan awal perlulah diterapkan dan didedahkan kepada kanak-kanak semenjak kecil lagi bagi melahirkan masyarakat Islam yang berkualiti semestinya (Harun Baharudin, 2015). Sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud:



Hak anak yang harus ditunaikan oleh orang tuanya ialah memilih nama yang baik, mengajar menulis dan menikahkannya apabila dewasa.

Jelaslah bahawa, anak merupakan amanah dan tanggungjawab agama. Salah satu tanggungjawab terpenting dalam kehidupan sebagai ibu bapa adalah dengan menjaga amanah Allah SWT dengan sebaik-baiknya. Selain itu, anak-anak juga mempunyai hak dalam mendapat perhatian dan memperolehi kasih sayang dari ibu bapa mereka.

Tertubuhnya tadika adalah bertujuan untuk memberikan pengalaman pembelajaran kepada kanak-kaak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun bagi menyuburkan potensi mereka dalam semua aspek iaitu aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk memasuki ke alam sekolah rendah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Kanak-





kanak di peringkat berhak diberi peluang untuk mengembangkan potensi mereka secara menyeluruh melalui program-program yang telah dirancang mengikut keperluan peringkat yang akan mereka lalui.

Menurut Abdullah Othman (1988) dalam Shahri Marzuki (1999) dalam Kamarulzaman Kamaruddin, pendidikan swasta adalah pendidikan yang ditadbir, dimiliki dan juga dibiayai oleh pihak swasta. Bagi institusi pendidikan swasta, mereka harus mendaftar dengan Jabatan Pendidikan Swasta Kementerian Pendidikan Malaysia dan kemudian dengan Pendaftar Perniagaan atau Pendaftar Syarikat bagi memulakan operasinya. Oleh itu, pemilihan tadika yang menekankan proses dan ciri-ciri yang dikehendaki perlulah dikenal pasti supaya dapat melahirkan generasi yang berkualiti sebagai pemimpin pada masa akan datang.



Tambahan lagi, institusi yang menyediakan pendidikan awal kanak-kanak ini kian berkembang maju dan telah menjadi pilihan ibu bapa yang berkerjaya terutamanya sebagai tempat bagi anak-anak mereka melalui proses belajar dan bermesra sebelum melangkah ke alam persekolahan yang sebenar. Bermula dari permintaan yang semakin tinggi dalam kalangan ibu bapa terhadap pusat pendidikan awal kanak-kanak itulah, maka terhasilnya institusi pendidikan diibaratkan seperti cendawan yang tumbuh selepas hujan. Pelbagai jenis pusat pendidikan telah dibangunkan sama ada di bawah kerajaan, NGO swasta mahupun di bawah persendirian.





Pengendalian pendidikan prasekolah oleh pelbagai agensi yang berasingan ini telah membangkitkan beberapa permasalahan dan persoalan. Hal ini kerana kesemua institusi tersebut punya matlamat, orientasi, tanggapan, keutamaan juga kemampuan yang tersendiri dan berlainan khususnya dalam aspek penggunaan bahasa pengantar, latihan ikhtisas, penggunaan kurikulum, kelayakan akademik guru, gaji guru dan yuran pelajar, kedudukan tadika, pengurusan dan pentadbiran, kemudahan asas serta keutamaan yang ditekankan.

Banyak isu yang harus di tolak ansur kan oleh segolongan ibu bapa apabila membuat pilihan tadika untuk anak-anak mereka. Ia melibatkan antara perancangan dalam faedah dan pencapaian anak-anak mereka di masa hadapan. Termasuklah juga kos yang akan dikenakan oleh pihak tadika yang mesti dibayar oleh mereka. Ibu bapa memainkan peranan sebagai pengurus atau ketua dalam sebuah institusi kekeluargaan bertanggungjawab dalam memastikan anak-anak mereka berjaya mahupun gagal (Kamarulzaman Kamaruddin, 2017).

Pada tahun 2003, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia memperkenalkan sistem baharu iaitu bagi subjek Matematik dan Sains menggunakan bahasa Inggeris di sekolah rendah dan sekolah menengah. Ini sekali gus menggalakkan ibu bapa mencari tadika yang menyediakan kemudahan atau lebih tepat pengajaran dalam bahasa Inggeris dan penguasaan 4M untuk anak-anak mereka. Guru-guru mula dihantar kursus bahasa Inggeris bagi memastikan tahap penggunaan bahasa Inggeris mereka dapat dipertingkatkan dan dapat berkomunikasi semasa sesi pengajaran bersama kanak-kanak berlangsung dengan jayanya. Tadika-tadika yang *branded* mula mencipta nama namun walau bagaimanapun selain daripada penggunaan bahasa





banyak lagi faktor yang menjadi dorongan dan pilihan bagi ibu bapa dalam membuat pemilihan tadika yang baik untuk anak mereka.

Jayawathi Perera (2014) selaku Presiden, Persatuan Tadika Malaysia berkata kepada majalah My Positive Parenting dalam Akta Pendidikan 1996 yang mewajibkan kesemua prasekolah sama ada kerajaan mahupun swasta untuk mematuhi Kurikulum Prasekolah Kebangsaan (KPK). Oleh kerana KPK adalah fleksibel, tadika swasta boleh mengubahnya mengikut kesesuaian masing-masing. Terdapat sebegini banyak prasekolah dan tadika di Malaysia kini sehingga ia menyukarkan ibu bapa dalam membuat pilihan.

Menurut Alimuddin (2014), situasi ini sangat jauh berbeza berbanding di zaman 1950-an di mana sewaktu di awal kemunculan tadika. Ibu bapa zaman ini menyedari bahawa pendidikan tadika yang berkualiti merupakan asas masa depan anak-anak mereka. Permintaan yang semakin meningkat apabila lebih ramai ibu bapa mendaftarkan anak anak mereka di tadika. Tambahnya lagi, kerajaan akan memenuhi permintaan yang semakin bertambah ini dengan meningkatkan jumlah bilangan tadika swasta dan juga kelas prasekolah.

Menurutnya lagi, kanak-kanak yang sejak kecil mendapat asuhan dan pendidikan yang baik mempunyai kelebihan dalam kemahiran sosial dan kekuatan emosional. Mereka akan belajar menghargai nilai dan berkelakuan baik, bersikap positif, yang akan menjadikan mereka warga masyarakat yang berguna apabila dewasa. Belajar untuk hidup dengan orang lain dalam keluarga dan masyarakat kita umumnya merupakan salah satu bahagian pembangunan yang paling penting dan





satunya adalah di mana keluarga dan rakan-rakan memainkan yang sangat penting. Sosialisasi adalah tentang pembelajaran untuk menangani keluarga dan masyarakat yang kita tinggalkan.

Proses sosialisasi akan mengikut definisinya berbeza-beza masyarakat dan dari keluarga ke keluarga. Sosialisasi utama adalah sosialisasi yang berlaku dalam keluarga, pada tahun-tahun pertama kehidupan kanak-kanak. Ini membantu kanak-kanak belajar bagaimana untuk berinteraksi dengan orang di sekeliling, apa yang boleh diterima dan apa yang tidak boleh diterima. Sosialisasi sekunder bermula apabila kanak-kanak datang ke dalam hubungan biasa dengan orang lain dan di luar rumah. Ini termasuk taman permainan, tadika dan berterusan sepanjang hayat. Sosialisasi sekunder mengajar anak-anak:



- Bagaimana untuk bersosial dan berinteraksi dengan orang dewasa
- Bagaimana untuk bersosial dan berinteraksi dengan rakan sebaya
- Mematuhi peraturan masyarakat iaitu apa yang boleh diterima dan apa yang tidak boleh di luar rumah.

Interaksi sosial yang seimbang, menjadikan potensi kanak-kanak akan lebih menonjol dalam aspek kepimpinan, kemajuan dalam kumpulan, pencapaian individu, perhubungan sosial, dan juga pengurusan. Justeru itu, mereka amat memerlukan pertumbuhan emosi yang sihat sebagai persiapan untuk belajar (Barbarin, 2002 & Klein, 2002) dek kerana perkembangan emosi dan sosial yang seiring dengan perkembangan kognitif kanak-kanak (Boyd, Barnett, Bondrova, Leong, & Gomby





2005) serta menjadi kayu ukur bagi kejayaan kanak-kanak (Mohd Azhar Abd Hamid, 2005) di dalam Azwandi (2008).

Kebanyakkan ibu bapa dalam dilema apabila membuat keputusan dalam memilih tadika untuk anak-anak mereka. Mereka perlu menilai dan memilih faktor dan tentukan yang mana menjadi keutamaan mereka (Robbins and Coulter, 2005) dalam Kamarulzaman Kamaruddin. Setiap ibu bapa mempunyai tahap pendidikan dan pandangan yang pelbagai dan berbeza antara satu sama lain.

Dalam pengurusan keselamatan tadika, guru perlu memastikan tahap keselamatan yang terjamin selamat dan bebas daripada bahaya. Antaranya dari aspek keselamatan di taman permainan. Kebanyakkan kemalangan juga kecederaan yang

kerap kali berlaku di taman permainan tadika adalah apabila kanak-kanak leka bermain dan akhirnya jatuh dari alat permainan tersebut seperti buaian, saling tolak menolak semasa menuruni gelongsor, menaiki tangga dan lain-lain (Bustam Kamri, 2010). Menurut Prof. Dr. Bustam Kamri (2010) lagi matlamat keselamatan harus diseimbangkan dengan matlamat dalam persediaan dorongan dan cabaran perkembangan kanak-kanak dan bermain. Guru memainkan peranan dan tugas dalam mengenal pasti jenis situasi bahaya yang boleh menimpa ke atas diri kanak-kanak di dalam tadika mahu pun di luar tadika.

Menurut Zuria Mahmud (2015), banyak kemalangan yang boleh berlaku dalam kalangan kanak-kanak di atas beberapa faktor namun kurangnya ilmu pendidikan awal kanak-kanak dalam diri guru tadika adalah sangat tidak patut kerana ia akan memberikan kesan yang kurang baik kepada mereka seperti fizikal, emosi,





sosial dan intelektual serta menjadi faktor kemalangan yang mudah berlaku. Tambah beliau lagi, tadika yang tidak ada satu prosedur operasi standard (SOP) yang jelas dan ketat berkaitan pengurusan kanak-kanak dan ditambah pula dengan guru yang tidak mendapat latihan yang mencukupi serta tidak diketahui latar belakang kesihatannya seperti mempunyai penyakit mental yang boleh menjurus kepada berlakunya lebih banyak kes penderaan kanak-kanak tanpa sedar.

Persekutaran fizikal di sekolah yang baik, sihat & selamat adalah keadaan sekolah yang mempunyai kemudahan asas & fizikal yang sentiasa menjaga kebersihan, keceriaan, keselamatan dan kesihatan. Persekutaran tersebut berfungsi untuk:

- Menghasilkan persekitaran tadika fizikal yang bersih dan selamat
- Meelahirkan persekitaran tadika yang bebas daripada risiko jangkitan penyakit
- Sentiasa memastikan semua kemudahan asas di sekolah mencukupi dan berada dalam keadaan bersih, ceria, selamat dan sihat.

Persekutaran yang bersih dapat membentuk sikap & amalan ke arah membina sahsiah kanak-kanak dan juga guru-guru yang baik dan dapat mengatasi segala cabaran dan risiko sama ada cabaran fizikal atau mental. Persekutaran tadika yang bersih berupaya menjadikan persekitaran tadika yang kondusif untuk perkembangan mental yang sihat dan dapat mengurangkan stress dalam kalangan warga tadika serta menjamin perkembangan yang seimbang dari segi emosi, jasmani, rohani & intelek.





Dalam undang-undang Malaysia di bawah Akta Kanak-kanak 2001 (2002), mengiktirafkan bahawa setiap satu kanak-kanak mempunyai hak dalam mendapatkan pelindungan dan juga bantuan dalam segala jenis keadaan tanpa mengira sebarang perbezaan seperti ras, warna kulit, bahasa serta agama, jantina, asal usul atau kecacatan fizikal, mental atau emosi mahupun apa-apa status lain. Akta ini dipakai di seluruh Malaysia tidak ada yang terkecuali. Kanak-kanak juga mempunyai hak asasi mereka yang dikenali sebagai Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak atau Convention of Rights of Children (CRC). Di antara empat bidang hak tersebut berkait dengan pengurusan kesihatan adalah hak kehidupan di mana:

- kanak-kanak berhak hidup, disayangi, mempunyai keinginan dan kasih sayang
- mendapat makan yang seimbang, kesihatan terjaga dan mempunyai kehidupan yang bahagia
- memiliki keluarga penyayang, mengambil berat antara satu sama lain dan belaihan kasih sayang

Menurut weber (2006), tugas guru di tadika mempunyai dua elemen iaitu menyampai ilmu (*instruction*) dan juga pengurusan bilik darjah (*management*). Elemen pengurusan bilik darjah termasuk dalam pengurusan keselamatan dan juga kesihatan kanak-kanak di tadika di mana salah satunya dapat menyediakan persekitaran pengajaran yang menarik dan selamat. Sekali gus, memberikan aura positif kepada kesihatan kanak-kanak seperti daripada perasaan suram kepada perasaan gembira





1.3 Pernyataan Masalah

Dalam kajian ini penyelidik ingin mengetahui apakah faktor peralatan serta kemudahan dalam bilik darjah yang mempengaruhi ibu bapa atau penjaga memilih untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika swasta bagi mendapatkan pendidikan awal sebelum melangkah ke alam persekolahan yang sebenar. Faktor ekonomi boleh mempengaruhi ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke tadika swasta berikutnya mereka berkemampuan untuk menyekolahkan anak-anak mereka di sana. Kegagalan guru dalam menguasai latihan dan pengalaman yang cukup dalam mengendalikan tadika akan menyebabkan ibu bapa kurang berkeyakinan untuk menghantar anak-anak mereka ke tadika tersebut yang mana sebenarnya ia memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi pilihan ibu bapa. Di dalam agensi ini juga ada yang mempunyai



guru yang berkelulusan lepasan ijazah dalam dunia prasekolah (Norsalmiah Binti Muhammad, 2009).

Pada tahun 2015, menurut Said Sidup mengenal pasti hanya dua daripada tujuh orang sahaja daripada pengasuh dan guru di sana yang menghadiri kursus asas asuhan dan pengusaha tidak memenuhi kriteria bagi penubuhan sebuah tadika dan taska. Berdasarkan pengalaman pengkaji juga di mana guru-guru yang tidak mengikuti kursus asuhan ini tidak akan menitik beratkan penjagaan kanak-kanak berbanding guru-guru yang menghadiri kursus. Dari aspek pengurusan dan pentadbiran pula, kebanyakkan tadika tidak mendaftar dengan pihak JKM. Ini menimbulkan banyak masalah dan keraguan dalam melaksanakan pengurusan tadika. Sistem pentadbiran tidak mengikut piawaian yang ditetapkan dari aspek kewangan,





laporan murid, sistem pembelajaran, nutrisi pemakanan kanak-kanak di tadika dan lain-lain lagi.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chew Mei Fun (2015), kes penderaan kanak-kanak yang berlaku pada tahun 2014 adalah sebanyak 2,409 dan telah direkodkan iaitu sebanyak 1,228 kes dilakukan oleh golongan ibu, 995 kes pula oleh bapa dan 186 kes lagi dilaporkan dilakukan oleh guru, guru taska dan tadika kanak-kanak. Statistik yang dicatat lebih 48 peratus daripada 3,000 panggilan menerusi ‘Talian Nur 15999’ yang direkod setiap tahun adalah daripada kanak-kanak yang melibatkan isu sosial dan psikologi termasuk kemurungan dan kesepian menyebabkan kanak-kanak takut untuk datang ke tadika. Sekali gus ibu bapa merasa tidak selamat untuk meletakkan anak-anak mereka di



Abdul Said dan Muhamad Hisyam (2010) mengatakan bahawa tidak semua orang mampu untuk berdepan dan melayan kerenah kanak-kanak. Tambahan pula, kanak-kanak ini datang dari pelbagai jenis latar belakang, sosio ekonomi dan juga budaya. Guru yang berniat ikhlas, sabar dan berilmu sahaja dapat bertahan lama untuk mengajar di tadika atau prasekolah dan dapat menarik perhatian ibu bapa dengan memberikan keyakinan bahawa anak mereka akan selamat dengan guru tersebut. Perkembangan dan perubahan pendidikan mengikut keadaan semasa mempengaruhi kehendak atau keinginan ibu bapa untuk melihat anak-anak mereka lebih berjaya dalam pencapaian akademik. Keadaan ini menyebabkan ibu bapa terlalu memilih tadika yang mempunyai guru yang berkelayakan demi kepentingan anak mereka tanpa mengambil kira kos dan jarak perjalanan.





Kanak-kanak sangat mudah dijangkit penyakit. Walaupun sedar akan masalah penyakit berjangkit yang mungkin berlaku di tadika, ibu bapa tidak punya pilihan dan apa yang dapat dilakukan adalah dengan berharap agar perkara tersebut tidak berlaku kepada anak mereka. Menurut Aminuddin Saim (2015), kanak-kanak kerap menghidapi penyakit berjangkit seperti penyakit telinga seperti otitismedia dan mendapati sebanyak 13 hingga 15 peratus kanak-kanak yang berumur di antara tiga hingga enam tahun mudah dijangkiti penyakit tersebut. Persekitaran taska dan tadika yang kotor dan berhabuk adalah antara punca kanak-kanak mudah dijangkiti penyakit berjangkit.

Terdapat banyak kelas yang tidak begitu selesa dan menyebabkan kurang galakkan dari segi pembelajaran kanak-kanak tadika. Contohnya, ruang tadika yang begitu sempit, tandas yang tidak sesuai dengan usia kanak-kanak serta tidak mempunyai pagar yang sesuai untuk keselamatan mereka (Imran Ariff Ariffin, 2010). Kebanyakkann tadika kurang menitik beratkan perihal kebersihan alat permainan kanak-kanak yang mana alat permainan kanak-kanak berdebu dan dibiarkan rosak.

Guru-guru tadika adalah seorang pembimbing atau pendidik yang sama pentingnya dengan ibu bapa. Namun kebanyakkann guru-guru tadika tidak memainkan peranan penting ini bagi mendidik kanak-kanak menuju arah dan aspirasi yang dijangkakan oleh ibu bapa. Seiring dengan pembangunan negara yang terlalu pesat dalam menuju abad ke-21, tidak akan meringankan peranan guru sama ada di peringkat tadika hingga ke peringkat institusi pengajian tinggi. Menyedari masalah pemilihan tadika ini, pengkaji telah membuat keputusan untuk mengkaji apakah faktor pemilihan tadika dalam kalangan ibu bapa. Kajian ini juga dijalankan untuk





melihat apakah hubungan pemilihan tadika dengan pencapaian kanak-kanak. Pemilihan tadika yang betul sangat penting dalam membentuk perkembangan yang baik dalam diri kanak-kanak di mana ianya dapat dicapai melalui peranan kanak-kanak itu sendiri dalam perkembangan yang menyeluruh. Ianya penting dalam melahirkan kanak-kanak yang seimbang, sihat dan sejahtera seperti yang diunjurkan di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan menjadikan tadika tersebut sebuah tempat menuntut ilmu yang hebat sesuai dengan standard yang telah ditetapkan.

1.4 Objektif Kajian

Bagi mencapai tujuan kajian, pengkaji telah meletakkan lima objektif utama bagi kajian ini iaitu:

1. Mengenal pasti tahap pemilihan tadika berkualiti dalam kalangan ibu bapa
 - a) Mengenal pasti tahap pemilihan kualiti penjagaan dan sokongan tadika dalam kalangan ibu bapa.
 - b) Mengenal pasti tahap pemilihan kualiti persekitaran tadika dalam kalangan ibu bapa
 - c) Mengenal pasti tahap pemilihan kualiti pengajaran tadika dalam kalangan ibu bapa
 - d) Mengenal pasti tahap pemilihan kualiti pengurusan dan pentadbiran tadika dalam kalangan ibu bapa
2. Mengenal pasti tahap perkembangan sosial kanak-kanak.
3. Mengenal pasti hubungan antara pemilihan tadika berkualiti dengan perkembangan sosial kanak-kanak.





4. Mengenal pasti hubungan antara taraf pendidikan ibu bapa dengan pemilihan tadika berkualiti.
5. Mengenal pasti hubungan antara taraf pendapatan ibu bapa dengan pemilihan tadika berkualiti.

1.5 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah berdasarkan objektif yang telah dikenal pasti dalam kajian ini iaitu:

1. Apakah tahap pemilihan tadika berkualiti dalam kalangan ibu bapa :
 - a) Apakah tahap pemilihan kualiti penjagaan dan sokongan tadika dalam kalangan ibu bapa?
 - b) Apakah tahap pemilihan kualiti persekitaran tadika dalam kalangan ibu bapa?
 - c) Apakah tahap pemilihan kualiti pengajaran tadika dalam kalangan ibu bapa?
 - d) Apakah tahap pemilihan kualiti pengurusan dan pentadbiran tadika dalam kalangan ibu bapa?
2. Sejauhmanakah perkembangan sosial kanak-kanak yang dikenalpasti?.
3. Adakah terdapat hubungan antara pemilihan tadika berkualiti dengan perkembangan sosial kanak-kanak?
4. Adakah terdapat hubungan antara taraf pendidikan ibu bapa dengan pemilihan tadika berkualiti?
5. Adakah terdapat hubungan antara taraf pendapatan ibu bapa dengan pemilihan tadika berkualiti?





1.6 Hipotesis Kajian

Bagi persoalan kajian 3, 4 dan 5 serta hipotesis nol (H_0) kajian adalah seperti berikut :

Hipotesis nol untuk persoalan 3

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pemilihan tadika berkualiti dengan perkembangan sosial kanak-kanak,

Hipotesis nol untuk persoalan 4

Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara taraf pendidikan ibu bapa dengan pemilihan tadika berkualiti.



Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara taraf pendapatan ibu bapa dengan pemilihan tadika berkualiti.

1.7 Kerangka Konsep Kajian


Rajah 1 menunjukkan kerangka konsep kajian yang akan digunakan dalam kajian ini. Kajian yang dijalankan ini melibatkan pemboleh ubah bebas sahaja iaitu pemilihan tadika berkualiti dalam kalangan ibu bapa. Manakala pemboleh ubah bersandar dalam kajian ini adalah perkembangan sosial kanak-kanak.





Melalui kajian ini, pengkaji ingin mengukur tahap pemilihan tadika berkualiti berdasarkan empat komponen iaitu kualiti sokongan dan penjagaan, kualiti persekitaran, kualiti pengajaran dan kualiti pengurusan dan pentadbiran. Selain itu pengkaji juga ingin mengukut tahap perkembangan sosial kanak-kanak. Setelah mengenal pasti tahap kedua-dua pemboleh ubah ini, pengkaji juga akan melihat sama ada wujud atau tidak hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar yang terlibat dalam kajian ini.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual



1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Justeru, terdapat beberapa kepentingan yang boleh digariskan oleh pengkaji berdasarkan kajian ini. Antara kepentingan kajian ini adalah dapat memberikan pendedahan kepada ibu bapa tentang betapa pentingnya pemilihan tadika yang sesuai untuk anak-anak mereka. Kajian ini juga boleh dijadikan satu garis panduan untuk meningkatkan lagi tahap kepercayaan ibu bapa dalam pemilihan tadika yang sesuai sekali gus membantu anak-anak mereka dalam menunjukkan prestasi yang terbaik dalam dunia kanak-kanak di tadika.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat membantu pengkaji untuk mengenal

pasti faktor pemilihan tadika dalam kalangan ibu bapa. Dalam kajian ini, penilaian faktor pemilihan tadika berdasarkan penggunaan Teori Bronfenbrenner bagi pencapaian kanak-kanak dan Teori Pasaran digunakan untuk mengenal pasti faktor pemilihan tadika dalam kalangan ibu bapa. Hasil kajian ini, dapat dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain yang menjalankan kajian yang berkaitan dengan kajian ini.

Di samping itu, kajian ini juga dapat membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk mengenal pasti faktor yang menjadi pilihan ibu bapa dalam memilih tadika bagi anak-anak mereka. Melalui dapatan kajian ini juga, diharapkan Jabatan Pendidikan Selangor boleh berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mengambil langkah yang sewajarnya bagi meningkatkan taraf





pendidikan awal kanak-kanak dan memudahkan ibu bapa dalam membuat pilihan bagi masa depan anak-anak mereka.

1.9 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada faktor pemilihan tadika swasta dalam kalangan ibu bapa di daerah Mukim Kota Damansara, Selangor. Pengkaji hanya mengenal pasti satu pemboleh ubah tidak bersandar yang mungkin mempengaruhi pemilihan tadika berkualiti dalam kalangan ibu bapa. Pemboleh ubah tidak bersandar yang terlibat adalah perkembangan sosial kanak-kanak.



Instrumen yang akan digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian yang merangkumi demografi responden, pemilihan tadika berkualiti dalam kalangan ibu bapa dan perkembangan sosial kanak-kanak. Kajian ini hanya melibatkan ibu bapa di tadika swasta sekitar daerah Mukim Kota Damansara, Selangor. Sampel kajian pula dipilih secara rawak di beberapa buah tadika swasta di daerah Mukim Kota Damansara, Selangor.





1.10 Definisi

Penyelidik telah mendefinisikan beberapa istilah mengikut konteks kajian yang dijalankan dengan melibatkan definisi istilah dan operasional. Ini adalah seperti yang telah dinyatakan Marican (2005) di mana definisi operasi menghubungkan konsep kepada sesuatu yang boleh diperhatikan dan dinyatakan dalam bentuk yang boleh diukur dan dimanipulasi. Secara definisi mengikut konteks kajian adalah seperti berikut:

1.10.1 Tadika

Tadika merupakan tempat di mana kanak-kanak akan dipersiapkan untuk masuk ke dunia sosial dan suasana asas dalam pendidikan (Chia-Yin Hsieh, 2008). Di Malaysia, kanak-kanak di awal usia 3 hingga 6 tahun sudah diletakkan dan digalakkan masuk ke tadika bagi membiasakan diri dalam struktur suasana akademik di bawah pengawasan guru-guru tadika yang berkualiti sebelum mereka masuk ke alam persekolahan sebenar iaitu di sekolah rendah.

Dalam kajian ini, tadika merujuk kepada tadika swasta di Mukim Kota Damansara yang menjadi pilihan ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sana bagi sesi pengajaran dan pembelajaran awal usia.





1.10.2 Pilihan ibu bapa

Pilihan adalah suatu proses membuat keputusan yang optimum yang dibuat setelah mempertimbangkan pelbagai faktor yang relevan dan meramal manfaat dan keperluan produk tertentu yang dapat memberi atau menyelesaikannya.

Dalam konteks kajian ini, ibu bapa akan membuat pilihan yang terbaik berdasarkan faktor eksternal dan juga faktor internal yang bersesuaian dengan kehendak mereka dan anak mereka. Ibu bapa telah diberikan hak untuk memilih tadika yang terbaik untuk anak-anak mereka (Kamarulzaman Kamaruddin, (2017)).

1.10.3 Kualiti persekitaran



Persekitaran merupakan suatu kualiti manuasia dan kualiti fizikal yang digabungkan bagi mewujudkan ruang kepada kanak-kanak dan juga orang dewasa bagi mereka berkerjasama dan bermain. Menurut Hazrad Khan Rahmatullah Khan (2010), persekitaran meliputi kesemua aspek keadaan interpersonal, keadaan fikizal dan aspek waktu dan persekitaran yang bagus dapat menggalakkan proses pembelajaran kanak-kanak di tadika. Persekitaran yang selesa, selamat, berwarna-warni dan menarik juga dapat memberikan sokongan dan stimulasi kepada kanak-kanak. Persekitaran pembelajaran yang semestinya selamat, tenang dan mencabar sangat penting dalam menimbulkan motivasi dalaman kepada kanak-kanak. Tadika atau taska yang baik harus mempunyai kawasan yang menyediakan ruang yang berkualiti dan selamat untuk kanak-kanak bergerak. Terdapat dua ruang persekitaran di tadika iaitu ruang di dalam bangunan (indoor) dan juga ruang di luar bangunan (outdoor).





Dalam kajian ini kualiti persekitaran di lihat dari aspek kebersihan di luar dan dalam bangunan tadika seperti keadaan dapur dan makanan, longkang, susunan perabot di mana ia dititik beratkan oleh pihak tadika bagi memastikan kanak-kanak berada dalam keadaan selamat untuk belajar dan bermain. Sekali gus meraih kepercayaan kepada ibu bapa untuk memilih tadika mereka.

1.10.4 Kualiti Penjagaan dan Sokongan

Mengikut Michael McCarthy (2016), pihak keluarga dan pihak prasekolah kedua-duanya mempunyai peranan sangat mustahak dalam pendidikan kanak-kanak. Sedia maklum bahawa pihak prasekolah sangat bergantung kepada sokongan dan penglibatan ibu bapa bagi menghasilkan kesan yang positif di peringkat awal.



Dalam kajian ini, ibu bapa dan pihak tadika saling bergantungan dalam memastikan kanak-kanak merasa seronok ketika berada di tadika, ibu bapa sentiasa mengambil tahu aktiviti dan menyuarakan pandangan bagi penambahbaikan kedua-dua pihak.

1.10.5 Kualiti Pengajaran

Menurut Helnich, Melenda dan Russell (1998) dalam Korpershoek, (2014), pengajaran merupakan suatu pengumpulan maklumat dan penyusunan untuk menghasilkan pembelajaran. Pengajaran merupakan proses yang berorientasikan matlamat yang perlu dirancang terlebih dahulu. Selain itu, pengajaran juga adalah satu tindakan yang mana bertujuan untuk membawa perubahan dari aspek kepercayaan





nilai dan makna. Ia juga merupakan satu aktiviti yang intelek (Vixley, 1999 dalam Abd Rahman 2000). Dalam kajian ini, guru-guru akan memastikan pengajaran di dalam kelas berjaya dan kanak-kanak dapat mengikuti silibus dan kurikulum yang digunakan oleh guru.

1.10.6 Kualiti Pengurusan dan Perkhidmatan

Sistem dalaman berkualiti tinggi mematuhi keperluan kawal selia dan jelas menyatakan bagaimana perkhidmatan beroperasi. Selain itu, mereka membimbing dan menyokong pendidik, penyelaras dan kakitangan untuk membolehkan mereka memberi tumpuan kepada pendidikan dan penjagaan yang berkualiti. Satu kitaran perancangan, kajian semula dan penilaian yang berterusan, didorong oleh kepimpinan



melibatkan diri dalam kualiti yang berterusan penambahbaikan (Chen, 2013).

Dalam kajian ini, pengurusan dan perkhidmatan yang disediakan di tadika adalah termasuk, dasar dan prosedur yang didokumenkan, rekod pendaftaran, rekod kehadiran, mekanisme pengendalian aduan, memaparkan dan melaporkan maklumat dan rekod pengurusan maklumat dan stor.





1.10.7 Perkembangan Sosial Kanak-kanak

Menurut Kamarudin Husin (1997), perkembangan bermaksud suatu perubahan yang dapat dinilai dan diukur dari satu peringkat ke satu peringkat perkembangan yang lain mengikut tempoh masa tertentu.

Dalam konteks kajian ini, perkembangan sosial kanak-kanak dilihat dari aspek tingkah laku sebelum memasuki alam persekolahan darjah 1 hasil dari pembelajaran di tadika yang di lihat dari aspek pergaulan sosial mereka dalam kehidupan seharian sama ada di rumah, luar rumah maupun di tadika.

1.10.8 Ibu bapa



Menurut T. Iskandar (1970) dalam Sarah, H.T.V. (2016), bapa merupakan ketua keluarga yang bertanggungjawab dalam menyediakan nafkah, menyediakan tempat tinggal, pakaian dan kasih sayang kepada ahli keluarga termasuk isteri dan anak-anak dan memainkan peranan dan bertanggungjawab dalam mengasuh dan juga mendidik anak-anak di rumah.

Dalam kajian ini, ibu bapa merujuk kepada ibu bapa kanak-kanak berumur 6 tahun yang belajar di tadika swasta di Mukim Kota Damansara yang mempunyai pelbagai latar belakang seperti taraf pendidikan, pendapatan, perbezaan jarak dan penilaian terhadap tadika yang berbeza.





1.11 Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dalam bab ini, jelas menunjukkan bahawa memilih tadika yang berkualiti bukan hanya untuk mempunyai nama yang terkenal dan yuran yang mahal, malah harus mempunyai keberhasilan yang memuaskan dari pelbagai aspek. Kualiti tadika yang baik dapat meningkatkan lagi kepercayaan dan keyakinan dalam diri ibu bapa serta kanak-kanak bagi menghadapi alam persekolahan nanti. Kegagalan pihak tadika dalam melaksanakan kualiti yang terbaik dan tidak memberikan hasil yang cemerlang menyebabkan ibu bapa terpaksa menukar anak-anak mereka ke tadika yang lain demi masa depan anak-anak mereka.

